

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI
(TENOM)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) yang telah disalurkan kepada negeri Sabah bagi tahun 2013 hingga 2015.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) telah dapat membantu meringankan kos sara hidup rakyat Malaysia termasuk di negeri Sabah. Jumlah bantuan bagi penerima BR1M di negeri Sabah juga telah meningkat pada setiap tahun.

Jadual terperinci jumlah BR1M yang disalurkan kepada negeri Sabah bagi tahun 2013 hingga tahun 2015 mengikut kategori adalah seperti berikut:

		2013			2014				2015			
		RM500	RM250 (Bujang)	JUMLAH	RM650	RM450	RM300 (Bujang)	JUMLAH	RM950	RM750	RM350 (Bujang)	JUMLAH
SABAH	Bilangan	453,659	165,651	619,310	397,111	20,263	199,337	616,711	398,323	23,262	240,635	662,220
	RM	226,829,500	41,412,750	268,242,250	258,122,150	9,118,350	59,801,100	327,041,600	378,406,850	17,446,500	84,222,250	480,075,600